

إنما
يُنْهَا
اللَّهُ
مِنْ
عِبَادَتِهِ
الْعِلْمُ

Volume 17, No. 3  2020

JOURNAL OF

Islam in Asia

A Refereed International Biannual Arabic - English Journal

JOURNAL OF
Islam in Asia

Volume 17, No. 3, 2020

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

SPECIAL ISSUE: FAMILY FIQH ISSUES IN MALAYSIA

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA



Journal of Islam in Asia

Special Issue: Family Fiqh Issues in Malaysia 2020

EDITOR-in-CHIEF

Mohammed Farid Ali al-Fijawi

ASSOCIATE EDITOR

Homam Altabaa

GUEST EDITORS

Sayed Sikandar Shah & Mek Wok Mahmud
(Fiqh & Usul al-Fiqh, KIRKHS, IIUM)

Raudlotul Firdaus Fatah Yasin
(Qur'an & Sunnah Studies, KIRKHS, IIUM)

EDITORIAL ASSISTANT

Kamel Ouinez

EDITORIAL ADVISORY BOARD

LOCAL MEMBERS

Abdel Aziz Berghout (IIUM)
Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)
Nadzrah Ahmad (IIUM)
Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)
Sayed Sikandar Shah (IIUM)
Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)
Thameem Ushama (IIUM)

INTERNATIONAL MEMBERS

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)
Abu Bakr Rafique (Bangladesh)
Anis Ahmad (Pakistan)
Fikret Karcic (Bosnia)
Muhammad Al-Zuhayli (UAE)
Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

♥ 2020 by **International Islamic University Malaysia**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.

Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

Polygamy: Between Obligation and Lust in Forming A Happy Family

Nabila Farhana Yahya*, and Mek Wok Mahmud**

Abstrak

Poligami merupakan salah satu topik hangat yang sering menjadi bualan masyarakat sepanjang zaman di dunia dan sering menimbulkan kontroversi serta mendapat perhatian. Ianya memiliki seribu satu cerita serta pandangan yang masih tidak mencapai muafakat bersama. Islam mengharuskan poligami bagi lelaki yang berhasrat mengamalkannya namun perlu mematuhi *dhawabit* yakni aturan bagi mencapai *maqasid shari'ah* bagi sesebuah perkahwinan. Namun begitu, sehingga ke hari ini poligami masih tidak dapat diterima masyarakat dengan sebaiknya. Hal ini kerana terdapat kecacatan dalam pengamalannya oleh individu-individu yang terlibat sehingga membawa dampak negatif terutamanya pada zaman kini. Artikel ini membincangkan poligami dalam Islam, antara kewajipan dan keinginan nafsu dan peranan individu untuk membentuk keluarga bahagia. Kajian ini berbentuk penyelidikan perpustakaan yang akan mengkaji amalan poligami secara berkesan dengan berpandukan anjuran Islam agar dapat menghasilkan tanggapan baik serta mampu membentuk institusi keluarga bahagia dan harmoni. Hasil kajian mendapati perihal poligami ini seharusnya tidak melibatkan pembawaan emosi, perasaan dan keinginan semata-mata baik dari lelaki maupun wanita dek kerana ianya sukar dikawal. Namun kita hendaklah berfikir secara waras meskipun bertentangan dengan emosi. Justeru itu, pentingnya memberi kesedaran bahawa poligami adalah perkara yang mulia jika dilaksanakan atas dasar

* Pelajar Sarjana, Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia. (E-mail: nabilafarhanayaha@gmail.com)

** Pensyarah, Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia. (E-mail: mekwok@iium.edu.my)

241 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

kewajipan dan tanggungjawab di dalam diri setiap insan bagi membentuk keluarga bahagia yang diredhai Allah SWT, bukannya demi memenuhi kerakusan nafsu semata-mata dan sekaligus merenung hikmah yang terselindung disebaliknya.

Kata Kunci: Poligami, Dhawabit, Kewajipan, Keinginan Nafsu, Keluarga Bahagia.

Abstract

Polygamy is one of the debated issues that has often been the discourse of society throughout the world. This issue is frequently controversial and intrigued. It also has thousands of deliberations from different perspectives that are yet to be agreed upon. Islam requires men who intend to practice polygamy to observe *dhawabit* which is mandatory rule to achieve a *maqasid shari'ah* of a marriage. However, polygamy is still unappealing to society up until now. This is due to the fact that polygamy has been so wrongly practiced by individuals and therefore, it has been negatively affected especially in recent times. This article discusses polygamy in accordance to Islamic perspectives, between the obligation and desire of lust, and individual roles in order to achieve harmonious accord between family members through polygamy. This study is in the form of a library research that will study effective practices based on the guidance of Islam to generate positive perception and establish a happy and harmonious family institution. The outcome of this study is whereas these polygamies should not involve the expression of emotions, feelings and desires either from men or women as they are difficult to control. However, this issue must be comprehended with reasons and rationality even when countless emotions will repudiate it. Therefore, it is important to promote awareness about the practice of polygamy so that it is performed on the basis of obligations and responsibilities of each person to form a happy family that is pleasing to Allah and to contemplate the wisdom behind it not merely to fulfil lust and desires.

Keywords: Polygamy, *Dhawabit*, Obligation, Lust, Happy Family.

Pengenalan

Majoriti umat Islam mengetahui bahawa kaum lelaki diharuskan bernikah lebih dari seorang wanita bagi yang berkemampuan berlaku adil dalam melayari bahtera rumah tangga. Namun, apa yang berlaku di zaman globalisasi ini poligami dianggap satu perkara yang menggusarkan dan mudah menyentap hati dan perasaan serta mendatangkan ketegangan dari pelbagai pihak terutamanya isteri yang dimadukan. Seperti yang diperkatakan Prof. Azizah Kasim apabila isu

poligami diperbahaskan kesimpulan yang boleh dibuat ialah kaum lelaki menyenanginya manakala kaum wanita mencemuhnya. (Azizah Kasim 1985, 183) Ekoran daripada itu, kebanyakannya para isteri lebih sanggup diceraikan daripada hidup berkongsi suami dan kasih, maka tidak tercapai tujuan asal sesebuah perkahwinan yang dianjurkan Islam.

Tidak diragukan lagi bahawa setiap perkara mempunyai sisi positif dan negatif, kebaikan dan keburukannya, begitu juga dalam berpoligami. Adakalanya dari satu sisi poligami menjadi solusi, misalnya dapat mencegah dari tersebarnya kemaksiatan yang sukar dibendung, dapat membantu wanita-wanita yang belum berkahwin, kematian suami, janda, dan sebagainya. Namun, dari satu sisi yang lain apabila poligami disalahgunakan, maka berlakulah persengketaan dan kegoyahan rumah tangga serta penganiayaan terhadap wanita dek kerana telah menyakiti hati dan perasannya. (Abdurrahman 2007, iv,v) Bagi kaum wanita, poligami adalah suatu perkataan yang cukup tidak digemari dan mereka menganggap bahawa poligami ini sebagai satu permulaan keruntuhan sesebuah rumah tangga dan bahawa isteri kedua sebagai perampas suami orang dan penggugat kebahagiaan. Berbeza pula dari sudut pandangan kaum lelaki yang menganggap ianya satu kelebihan buat mereka sehingga mengaburkan hati mereka dari tujuan sebenar poligami disyariatkan.

Oleh itu, pentingnya kita mengetahui dan memahami garis panduan yang sebenar dalam mengamalkan poligami agar dapat membentuk keluarga bahagia dan harmoni. Justeru itu, kajian ini akan merungkai segala macam persoalan yang sering menjadi tanda tanya baik dari pihak lelaki maupun wanita agar mendapat pertimbangan yang benar-benar adil dan saksama dan bukannya untuk memenuhi keinginan nafsu semata-mata.

Definisi Poligami

Poligami berasal daripada perkataan greek yang bermaksud perkahwinan banyak. Menurut kamus dewan membawa maksud sistem perkahwinan yang membolehkan seorang laki-laki beristeri lebih daripada satu orang pada masa yang sama. Ianya juga dikenali sebagai

243 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

poligini dan kata lawannya adalah monogami iaitu adat yang hanya membolehkan seseorang berkahwin dengan seorang sahaja pada satu masa. Manakala jika perempuan yang berkahwin lebih daripada seorang lelaki pada waktu sama dipanggil poliandri. (Kamus Bahasa Melayu Nusantara 2003, 1810, 2120, 2121)

Dalil Pensyariatan Poligami

Sebelum kedatangan Islam, lelaki diperbolehkan untuk bernikah seberapa ramai wanita tanpa ada batasan dan aturan sehingga dianggap poligami di waktu itu sebagai satu lambang kebanggaan bagi sesiapa yang mengamalkannya. Malah ianya juga diibaratkan sebagai pemuas nafsu. (Abdurrahman 2007, 4) Namun, setelah datangnya Islam, Allah SWT mengurniakan *rukhsah* iaitu keringanan kepada hamba-Nya yang mampu berlaku adil terhadap isteri-isterinya dan dituruti dengan *dhawabit* yang telah ditetapkan seperti yang tercatat di dalam al-Quran dan as-Sunnah.

Dalil al-Quran

Satu-satunya dalil al-Quran yang menetapkan bilangan yang diperbolehkan dalam berpoligami dibatasi empat wanita dalam satu waktu seperti firman Allah SWT :

﴿ وَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنَّكُمْ حُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ
مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً ﴾

Maksudnya: “Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja”. (Al-Nisa’, 4:3)

Al-Zuhaylī mengatakan bahawa firman Allah SWT di atas jelas menunjukkan bahawa diperbolehkan bagi kaum lelaki untuk menikahi empat wanita dalam satu waktu, akan tetapi jika takut dan gusar tidak dapat berlaku adil di antara isteri-isterinya, maka cukup hanya menikahi

seorang isteri sahaja; kerana ianya akan menzalimi para wanita. (Al-Zuhaylī 1997, 234)

Allah SWT berfirman untuk menguatkan lagi bahawa keadilan itu teramat penting dalam berpoligami walaupun ianya sukar dicapai:

﴿وَلَنْ تَسْتَطِعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّهُمْ إِلَيْنَا فَتَذَرُّو هَا كَالْمُعْلَقَةِ﴾

Maksudnya: “Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awan-awan)”. (Al-Nisa’, 4:129)

Dalil as-Sunnah

عنِ الْحَارِثِ بْنِ قَيْسٍ، قَالَ مُسَدَّدٌ: أَبْنُ عُمِيرَةَ وَقَالَ وَهْبٌ: الْأَسَدِيُّ
قَالَ: أَسْلَمْتُ وَعِنْدِي شَمَانٌ نِسْوَةٌ، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «اخْتُرْ مِنْهُنَّ أَرْبَعًا»

Maksudnya: Daripada al-Harith bin Qays berkata: “Aku telah memeluk Islam dan ketika itu aku mempunyai lapan orang isteri. Lalu aku memberitahu Rasulullah SAW akan perkara itu. Maka Rasulullah SAW bersabda: “Pilih empat orang daripada mereka”.” (Abū Daud t.t., 272; No Hadith 2241)

Jelas di sini menunjukkan bahawa hukum asal poligami adalah harus dalam Islam, walaupun begitu hukum ini boleh berubah menjadi sunat, makruh dan haram berdasarkan situasi dan keadaan setiap individu yang berhasrat untuk mengamalkannya. **Maka hukumnya berubah kepada tiga:** (Al-Zuhaylī 2011, 25-26)

245 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

Pertama: Sunat

Hukum poligami berubah menjadi sunat apabila adanya *maslahah* yang dibenarkan oleh *syara'* seperti seorang lelaki memerlukan isteri yang lain. Misalnya seseorang yang tidak memadai dengan hanya seorang isteri sahaja, ataupun isterinya sakit dan mandul sedangkan suami mampu untuk berlaku adil dan meinginkan zuriat keturunan. Perkara ini telah dilakukan oleh para sahabat, tabi'in dan umat selepas mereka.

Kedua: Makruh

Poligami menjadi makruh hukumnya apabila ia dilakukan tanpa sebarang keperluan dan niatnya hanya semata-mata untuk menambah keseronokan dan hiburan. Apatah lagi jika para suami sangsi dengan kebolehannya untuk berlaku adil terhadap isteri-isterinya. Keadaan ini juga boleh mendatangkan kemudharatan dan kezaliman terhadap para wanita akibat tidak berlaku adil. Hal ini berdasarkan hadith daripada Hassan bin Ali r.a, Rasulullah SAW bersabda:

«دَعْ مَا يَرِيُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيُكَ»

Maksudnya: “Tinggalkanlah perkara yang meragukanmu kepada perkara yang tidak meragukan”. (Al-Tirmidhī 1975, 668; No Hadith. 2518; Al-Nasā'ī 1986, 327; No Hadith. 5711)

Asy-Syarbīnī juga ada menyebutkan bahawa: “Disunatkan untuk tidak menambah lebih daripada seorang isteri jika tiada tujuan yang jelas”. (Asy-Syarbīnī 1994, 207)

Ketiga: Haram

Keadaan ini lebih parah lagi apabila kaum lelaki berasa ragu atau yakin bahawa ia tidak mampu untuk berlaku adil sekiranya berkahwin lebih daripada seorang perempuan sama ada kerana kefakiran, kelemahannya, atau tidak yakin dapat mengelakkan dirinya daripada

cenderung kepada mana-mana isteri. Hal ini jelas akan berlakunya penganiayaan dan kezaliman turut mendatangkan kemudharatan kepada sesetengah pihak. Sebagaimana hadith Rasulullah SAW bersabda:

«لَمْ يَرَرْ وَلَمْ يُضَرْ»

Maksudnya: “Tiada kemudharatan dan tidak boleh melakukan perkara yang memudharatkan”. (Ibn Majah t.t., 784; No Hadith 2341)

Maka dalam keadaan ini hukum poligami berubah menjadi haram.

Poligami Dalam Islam

Seperti yang diketahui, poligami diharuskan di sisi syarak, namun haruslah kita mengamalkannya dengan cara yang benar agar tidak berlaku kezaliman di mana-mana pihak. Oleh itu, marilah kita menyelusuri bersama-sama dengan berpandukan apa yang tercatat di dalam al-Quran dan as-Sunnah berkenan cara berpoligami yang dituntut Islam.

1) Tidak menikahi lebih daripada empat wanita dalam satu masa

Masyarakat pada zaman jahiliah turut mengamalkan poligami, akan tetapi tanpa membatasi bilangan wanita yang mereka himpukkan dalam satu masa, sepetimana yang dilakukan oleh Ghailan bin Salamah yang memiliki sepuluh orang isteri, begitu juga Umairah al-Asadi mempunyai lapan orang isteri dan Naufal bin Muawiyah pula berkahwin dengan lima orang wanita. (Faisol 2000, 2) Ini menunjukkan bahawa seorang lelaki bebas berkahwin dengan seberapa isteri yang disukainya tanpa ada batasan dan hal ini menyebabkan sesetengah daripada isteri-isteri diabaikan. Maka berlakulah kezaliman terhadap mereka kerana para suami tidak dapat memenuhi hak-hak yang wajib yang sepatutnya diberikan kepada para isteri mereka.

Namun selepas kedatangan Islam, Allah mensyariatkan bagi sesiapa yang ingin poligami dibatasi hanya empat wanita sahaja dalam

247 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

satu masa. Jika suami ingin menikahi lagi setelah mempunyai empat isteri, maka haruslah menceraikan salah seorang daripada isteri-isterinya. (Asy-Syarbīnī 1994, 331,332) Hal ini dapat kita lihat di dalam hadith-hadith bahawa Rasulullah SAW memerintahkan agar memilih empat wanita sahaja daripada kalangan isteri-isteri. Sebagaimana hadith yang diriwayatkan daripada Al-Harith bin Qays yang menceritakan perihal Al-Asadi yang memiliki lapan isteri ketika itu:

عَنِ الْحَارِثِ بْنِ قَيْسٍ، قَالَ مُسَدَّدٌ: إِنِّي عُمَيْرَةٌ وَقَالَ وَهْبٌ: الْأَسَدِيُّ
قَالَ: أَسْلَمْتُ وَعِنْدِي ثَمَانُ نِسْوَةٍ، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «اخْتَرْ مِنْهُنَّ أَرْبَعًا»

Maksudnya: Al-Asadi mengatakan: “Aku telah memeluk Islam dan ketika itu aku mempunyai lapan orang isteri. Lalu aku memberitahu Rasulullah SAW akan perkara itu. Maka Rasulullah SAW bersabda: “Pilihlah empat orang daripada mereka.”” (Abū Daud t.t., 272; No Hadith 2241)

Ibn Ruslān mengatakan hadith ini membawa maksud apabila seorang lelaki kafir memeluk Islam dan dia mempunyai lebih daripada empat orang isteri, maka lelaki tersebut haruslah memilih empat wanita sahaja daripada isteri-isterinya itu, meskipun mereka semua telah memeluk Islam, sama ada sebelum bersetubuh atau selepasnya dan juga masih dalam waktu ‘iddah ataupun dari kalangan *kitabiyat*. (Ibn Ruslān 2016, 37)

Seterusnya hadith riwayat Ibn ‘Umar bahawa Ghailan telah memeluk Islam dan memiliki sepuluh orang isteri. Maka Nabi SAW bersabda kepadanya:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ قَالَ: أَسْلَمَ غَيْانُ الثَّقَفِيُّ وَعِنْدَهُ عَشْرُ نِسْوَةٍ فَقَالَ رَسُولُ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَمْسِكْ أَرْبَعًا، وَفَارِقْ سَائِرَهُنَّ»

Maksudnya: “Pilih empat isteri dan ceraikan yang selebihnya”. (Ibn Hibbān 1993, 465; No Hadith 4157)

Daripada penelitian dua hadith tersebut, maka jelas di sini bahawa di antara *dhawabit* yang harus dipenuhi dalam berpoligami hendaklah dibatasi empat orang isteri dalam satu waktu.

Di dalam tafsir Ibn Kathīr ada menyebutkan bahawa Imam Syafī’ī mengatakan, “Sesungguhnya sunnah Rasulullah SAW yang menjelaskan wahyu dari Allah telah menunjukkan bahawa seorang lelaki selain Rasulullah SAW tidak boleh menghimpunkan yakni mengahwini lebih dari empat orang wanita”. Jumhur ‘ulama’ telah bersepakat dengan perkataan Imam Syafī’ī ini kecuali sebahagian ulama Syi’ah yang membolehkan seorang lelaki mempunyai isteri lebih dari empat wanita sehingga lapan. (Ibn Kathīr 1999, 617) Imam Syafī’ī mengatakan lagi bahawa suami yang memiliki lebih dari empat isteri berhak dalam menentukan di antara isterinya yang paling tua mahupun muda, sama ada akadnya sekaligus atau yang berlainan; kerana sesungguhnya Allah SWT mengampunkan perihal akad yang sudah terlanjur dilakukan. (Syafī’ī 2006, 515)

Wahbah Al-Zuhaylī menambah hikmah disebalik pembatasan tersebut, beliau berkata ini sesuai dengan prinsip mewujudkan kemampuan dan tujuan bagi sebahagian kaum lelaki serta untuk memenuhi keiginan dan kehendak mereka bersama perjalanan masa bulanan. Hal ini kerana dalam satu bulan ada empat minggu, maka satu minggu bagi setiap isteri. Tambahan pula, pembolehan berkahwin dengan empat orang merupakan satu kecukupan sekaligus menutup pintu yang dapat membawa kepada berbagai penyimpangan. Jika tiada pembatasan ini, dikhawatiri akan timbulnya bermacam kemaksiatan akibat para suami tidak mampu memenuhi hak isteri-isterinya. (Al-Zuhaylī 1984, 6668)

2) Berlaku adil di antara isteri-isteri

Firman Allah SWT di dalam surah al-Nisa’ ayat 3 menekankan bahawa keadilan amatlah penting dalam berpoligami. Malangnya, jika

249 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

kita lihat bagaimana pengamalan masyarakat di zaman mutakhir ini menyebabkan ramai yang mencemuh dan memandang serong terhadapnya. Walhal ianya bukan sesuatu yang buruk, maka seharusnya kita memahami dengan pemahaman yang benar baik dari kaum lelaki maupun wanita berkeraan bagaimanakah keadilan dalam poligami yang dituntut dalam Islam?

Jika kita lihat dengan mata kasar, bukanlah mudah untuk berlaku adil dalam setiap perkara di antara isteri-isteri, kerana itulah masyarakat kini menganggap lebih baik berkahwin dengan seorang sahaja atau monogami; ianya lebih dekat dalam mencegah supaya para suami tidak melakukan kezaliman. Oleh yang demikian, haruslah kita memahami aspek keadilan yang sebenarnya agar amalan poligami ini dapat diterima baik oleh masyarakat.

a) Keadilan dalam nafkah zahir dan batin

Para ‘ulama’ *mufassirin* ada menjelaskan maksud disebalik perkataan adil yang dituntut dalam poligami. Al-Marāghī berkata: “Keadilan yang dimaksudkan adalah keadilan yang berada di bawah kemampuan manusia yakni nafkah zahir, seperti memberi keadilan yang sama di kalangan isteri-isteri dari aspek tempat tinggal, pakaian, nafkah dan sebagainya. Manakala hal-hal yang berada di luar kemampuan manusia atau nafkah batin, sebagai contoh perasaan cinta dan sayang seorang suami kepada isteri-sterinya, maka tidak mungkin dapat dipaksa dan diberi secara adil. Ini kerana kasih sayang dan cinta adalah perasaan dan keinginan yang lahir dari lubuk hati. Hal ini dapat kita lihat ketika kewafatan Rasulullah SAW, baginda lebih menunjukkan kecenderungannya terhadap isterinya ‘A’ishah r.a berbanding isteri-isterinya yang lain. Walaupun begitu, bukanlah Rasulullah SAW mengistimewakan ‘A’ishah tanpa mendapat persetujuan daripada para isterinya yang lain. (Al-Marāghī 1998, 150) Rasulullah SAW pernah berdoa memohon kepada Allah SWT sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Al-Tirmidhī:

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْسِمُ بَيْنَ نِسَائِهِ، فَيَعْدُلُ، وَيَقُولُ:
 «اللَّهُمَّ هَذِهِ قِسْمَتِي فِيمَا أَمْلَكُ، فَلَا تَلْمِنِي فِيمَا تَمْلِكُ وَلَا أَمْلِكُ»

Maksudnya: “Dari ‘A’ishah r.a sesungguhnya Nabi SAW apabila membahagi di antara isteri-isterinya dengan cara adil seraya berdoa: Ya Allah, inilah pembahagian yang aku mampu melakukannya. Oleh itu, janganlah Engkau menghukum aku lantaran hal-hal yang aku tidak mampu melakukannya”. (Al-Tirmidhī 1975, 438; No Hadith 1140)

Oleh itu, dapat kita simpulkan bahawa keadilan dalam poligami amat dititikberatkan kecuali perkara yang tidak dapat dibendung di bawah kemampuan manusia yang melibatkan perihal hati dan perasaan walaupun telah bersungguh-sungguh melakukannya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 129. Persoalan di sini adakah keadilan dari nafkah zahir itu harus dibahagikan secara sama rata atau sekadarnya sahaja mengikut keperluan masing-masing?

Jumhur ‘ulama’ mengatakan bahawa keadilan itu bukanlah bermakna kita harus membahagikan sama rata dalam setiap perkara yang dituntut, akan tetapi keadilan yang dimaksudkan adalah meletakkan sesuatu kena pada tempatnya. Oleh yang demikian, suami hendaklah membahagikan antara isteri-isterinya berdasarkan keperluan masing-masing sahaja. (Ibn ‘Abidin 1992, 202; Al-Kharshī t.t., 2; Asy-Syarbīnī 1994, 414; Ibn Qudāmah t.t., 305) Misalnya jika isteri pertama sering sakit sedangkan isteri kedua sentiasa sihat, maka ubat diperuntukkan bagi isteri pertama sahaja tanpa isteri kedua. Begitu juga jika isteri pertama memiliki tiga orang anak, manakala isteri kedua mempunyai lima orang anak, maka bilangan makanan haruslah mencukupi mengikut keperluan mereka dan bukannya membahagikan sama rata; kerana ianya akan menyebabkan salah satu daripada dua keluarga itu teraniaya. Manakala menurut sebahagian ‘ulama’ Hanafiah harus dibahagi sama rata tanpa membezakan antara isteri-isterinya. (Al-Kāsānī 1986, 332) Oleh itu, jika para suami tidak berlaku adil, maka kehidupannya di akhirat kelak

251 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

amat menyeksakan sebagaimana riwayat Abū Hurairah, Rasulullah SAW pernah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَنْ كَانَتْ لَهُ امْرَأَتَانِ فَمَا لَهُ إِلَّا حَدَّاهُمَا، جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشَقِّهُ مَائِلٌ»

Maksudnya: “Barangsiapa yang mempunyai dua orang isteri lalu ia cenderung kepada salah seorang daripadanya, maka di hari kiamat nanti akan datang menghadap Tuhan dalam keadaan separuh badannya senget”. (Abū Daud t.t., 242; No Hadith 2133)

b) Keadilan dalam giliran

Berbeza pula dalam perihal pembahagian bermalam antara isteri-isteri. Maka diwajibkan kepada suami agar membuat giliran yang adil dan sama rata walaupun sedang sakit dan uzur seperti yang dilakukan Rasulullah SAW terhadap para isterinya.

«وَكَانَ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْسِمُ بَيْنَ نِسَائِهِ وَيُطَافُ بِهِ عَلَيْهِنَّ فِي مَرَضِهِ حَتَّىٰ رَضِيَّنَ يَتَمْرِضُ فِي بَيْتِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا»

Maksudnya: "Sesungguhnya Rasulullah SAW menggilir isteri-isterinya walau pada saat baginda sedang sakit, sehingga di akhirnya mereka merelakan baginda untuk tinggal di rumah ‘A’isyah r.a”.

Ini jelas menunjukkan bahawa sakit dan uzur tidak menggugurkan hak giliran bermalam ketika berpoligami. (Asy-Syarbīnī 1994, 413) Maka jika isteri pertama ditiduri selama tiga malam, isteri kedua juga berhak ke atasnya tiga malam dan ianya diselang seli sehingga akhir hayat. Walaubagaimanapun, para isteri boleh menghadiahkan haknya sama ada separuh atau keseluruhannya kepada isteri yang lain dengan syarat suami turut meredhaunya. Hal ini kerana, pembahagian itu adalah haknya, maka ia berhak mengambil atau meninggalkannya untuk diberikan kepada yang lain. (An-Nawawī t.t.,

442) Seperti yang diriwayatkan dari Muslim, ‘A’isyah menceritakan bahawa Saudah telah berkata:

«يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَدْ جَعَلْتُ يَوْمِي مِنْكَ لِعَائِشَةَ، فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقْسِمُ لِعَائِشَةَ يَوْمَيْنِ، يَوْمَهَا وَيَوْمَ سَوْدَةَ»

Maksudnya: “Wahai Rasulullah SAW, aku telah menjadikan (memberikan) hari-hariku bersamamu kepada ‘A’isyah, lalu Rasulullah SAW membahagikan kepada ‘A’isyah dua hari, satu hari untuknya (apabila tiba giliran), satu hari (yang diberikan) Saudah”. (Muslim t.t., 1085; No Hadith 1463)

Selain daripada itu, apabila suami berkahwin dengan anak dara, maka gadis tersebut berhak mendapat giliran selama tujuh malam berturut-turut dari hari pernikahan mereka. Manakala jika isteri barunya seorang janda, maka baginya tiga malam. Namun begitu, selepas tempoh tersebut telah tamat, maka giliran ini akan kembali seperti biasa. Para suami haruslah membahagikan dengan adil dan saksama. (Al-Syīrāzī t.t., 486) Ketetapan ini bersesuaian dengan hadith riwayat Muslim, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

«لِلْبِكْرِ سَبْعُ، وَلِلثَّيْبِ ثَلَاثٌ»

Maksudnya: “Bagi anak dara tujuh (malam), dan janda tiga (malam)”. (Muslim t.t., 1083; No Hadith 1460)

Bermalam di sini ertinya suami hendaklah tidur dirumah isterinya mengikut giliran, dan bukanlah wajib bagi suami untuk bersetubuh dengannya. Hal ini kerana persetubuhan juga salah satu yang tidak berada di bawah kemampuan seseorang untuk dibahagikan secara adil. (Asy-Syarbīnī 1994, 414) Misalnya jika isteri pertama terlalu tua dan suami tiada keinginan untuk bersetubuh, sedangkan isteri kedua masih muda dan suami berkehendak dengannya, maka dalam hal ini tidaklah mengapa jika suami tidak melakukannya secara adil. Datangnya keinginan untuk bersetubuh adalah dari timbulnya kasih sayang dan cinta, maka seperti yang diketahui ini termasuk perihal yang tidak berada

253 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

di bawah kemampuan seseorang. Oleh itu, sememangnya para suami tidak akan dapat berlaku adil dalam perihal tersebut. Ditegaskan bahawa para suami tidak boleh pergi ke rumah isteri yang bukan gilirannya tanpa ada keperluan yang mustahak. (Taqiyuddīn 1994, 377) Oleh yang demikian, para suami yang berpoligami haruslah beringat bahawa jangan sampai cenderung kepada seorang isteri sahaja sehingga menjelaskan sayang dan mengabaikan tanggungjawab kepada isterinya yang lain.

c) Keadilan ketika bermusafir

Al-Māwardī mengatakan jika para suami yang berpoligami hendak bermusafir, maka baginya tiga pilihan: pertama: bermusfir bersama semua isterinya jika berasa aman; sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika menunaikan haji wida'; kedua: suami juga berhak jika tidak mahu membawa isteri-isterinya selagi menjalankan tanggungjawabnya dalam memberi nafkah zahir dan ketiga: jika ingin membawa sebahagian daripada mereka maka lakukan dengan mencabut undian. Pilihan ketiga ini yang sering dilakukan oleh Nabi SAW ketika hendak bermusafir, maka siapa yang terpilih di kalangan isterinya akan mengikuti bersamanya. (Al-Māwardī 1999, 590, 591) Hal ini berdasarkan hadith riwayat daripada ‘A’isyah r.a berkata:

«كَانَ رَسُولُ عَلِيِّ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ سَفَرًا أَقْرَعَ بَيْنَ نِسَائِهِ، فَإِنَّهُنَّ خَرَجَ سَهْمُهَا خَرَجَ بِهَا مَعَهُ»

Maksudnya: “Apabila Rasulullah ingin bermusafir, baginda membuat undian di kalangan isterinya. Baginda akan bermusafir dengan isteri yang mendapat undian tersebut”. (Al-Bukhārī 2001, 332; No Hadith. 2593)

Antara Kewajipan dan Keinginan Nafsu Berpoligami

Apabila seorang lelaki mahu mengamalkan poligami, hendaklah atas dasar kewajipan dan bukannya mengikut keinginan nafsu semata-mata; agar dapat dijauhkan dari berlakunya penganiayaan di mana-mana pihak. Ini kerana tanggungjawab dalam berpoligami amatlah berat untuk

dipikul. Oleh itu, haruslah ada kemaslahatan yang selaras dengan *maqasid shari'ah* agar dapat membentuk sebuah keluarga bahagia. Amalan berpoligami boleh membawa antara kewajipan dan keinginan nafsu seperti yang berikut:

1) Kewajipan dan tanggungjawab

a) Meramaikan umat Islam dan memperbanyakkan keturunan

Islam adalah agama kemanusiaan yang sentiasa menggesa umatnya agar membina pembangunan yang maju serta dilengkapi dengan pelbagai bidang seperti pertanian, penternakan, teknikal, kejuruteraan dan sebagainya. Perkara ini tidak dapat dilaksanakan oleh sesbuah negara jika tiada umat yang ramai dan kuat bekerja. Oleh yang demikian, poligami adalah salah satu cara yang dapat diamalkan, kerana hanya dengan ikatan perkahwinan yang sah sahaja di antara lelaki dan wanita dapat melahirkan lebih ramai lagi umat di muka bumi ini. (Zaini 2006, 10) Maka apabila kaum lelaki mahu berpoligami hendaklah berniat murni sekaligus dapat menyebarkan ajaran Islam yang sebenar dengan mengamalkannya mengikut *dhawabit* yang ditetapkan. Ini juga bertepatan dengan *maqasid shari'ah* yang menganjurkan perkahwinan dengan tujuan untuk mengembangkan keturunan dan zuriat. (Hasan 2009, 12) Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

«تَرَوَّجُوا الْوَدُودَ الْوَلُودَ فَإِنِّي مُكَافِرٌ بِكُمْ أَمَّمَ»

Maksudnya: “Berkahwinlah dengan wanita yang penyayang dan dari keturunan yang banyak anak, kerana aku suka dengan jumlah umatku yang banyak pada hari kiamat”. (Abū Daud t.t., 220; No Hadith. 2050; Al-Nasā'ī 1986, 65; No Hadith. 3227)

Terkadang sesetengah wanita tidak mampu untuk menunaikan hajat atau keperluan sesebuah perkahwinan. Ini disebabkan lemah syahwat atau mandul, maka tidak dapat melahirkan keturunan sekaligus tidak tercapai *maqasid* pernikahan, sedangkan suaminya inginkan zuriat keturunan. Apabila pasangan yang mengalami permasalahan seperti ini

255 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

haruslah merenung dan berfikir hikmah disebalik apa yang terjadi dan mencari penyelesaian yang terbaik. Maka poligami adalah salah satu cara terbaik kerana kemaslahatannya lebih besar jika dituruti dengan panduan Islam walaupun ia perit untuk si isteri menerimanya.

b) Membantu kaum wanita yang sudah dimamah usia, janda dan balu

Jika kita lihat pada zaman sekarang, jumlah kaum wanita berganda daripada kaum lelaki. Di saat kini terdapat ramai wanita yang sudah dimamah usia atau ianya lebih dikenali sebagai anak dara tua ‘andartu’, malangnya masih tidak mempunyai suami. Begitu juga para wanita yang telah hilang tempat bergantung dan berkasih sayang seperti janda yang dicerai suami dan balu yang kematian suaminya. Oleh yang demikian, nasib wanita seperti ini adalah berkahwin dengan lelaki yang sudi menerimanya dan kebiasannya adalah lelaki yang sudah mempunyai isteri. Dalam erti kata lain poligami adalah cara yang dapat meyelesaikan masalah ini sekaligus dapat membantu meringankan beban dan masalah yang mereka hadapi disamping meghilangkan kesedihan yang dialami. (Faisol 2000, 10) Dapat kita lihat bahawa sebenarnya hikmah disebalik poligami tersangatlah indah, ini kerana para isteri dapat membantu kaumnya sendiri. Oleh itu, seharusnya kita renungkan bersama dan membuka hati dan fikiran untuk menerima amalan ini dengan sebaiknya. Memang cemburu itu fitrah bagi seorang wanita, tetapi ada baiknya kita melihat kemanisan di sisi lainnya agar dapat membentuk keluarga yang lebih bahagia.

2) Keinginan nafsu

a) Fitrah manusia

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa sesetengah kaum lelaki zaman kini mengatakan bahawa berkahwin lebih daripada seorang wanita itu fitrah bagi mereka, yakni keinginan yang mereka rasakan ini datang dari hati naluri mereka yang tidak dapat dibendung. Jelas di sini bahawa niatnya untuk berpoligami atas dorongan nafsu semata-mata. Tambahan

pula, alasan seperti ini tidak dapat diterima akal; kerana ianya tidak terlihat adanya kemaslahatan dan berkemungkinan akan menzalimi kaum wanita jika lelaki tersebut tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik kelak hari.

Jelas di sini jika seseorang itu menggunakan alasan fitrah untuk berpoligami adalah bertujuan untuk berseronok sahaja. Pada hakikatnya poligami yang dibenarkan Islam bukanlah begitu, bahkan ia merupakan tanggungjawab dan amanah yang harus dipikul bagi kaum lelaki. Jika mereka gagal melaksanakannya, maka mereka telah berbuat kezaliman yang mengundang dosa. Oleh itu, mereka haruslah bertaubat kepada Allah SWT bagi menembusi dosa tersebut disamping mengembalikan hak-hak yang sepatutnya terhadap para isteri yang dizalimi itu. (Faisol 2000, 13) Bagi lelaki yang berkehendak untuk berpoligami walhal ia meyakini tidak mampu untuk berlaku adil dari nafkah zahir, adalah lebih baik baginya untuk berpuasa agar menahan dirinya dari mengikuti hawa nafsunya itu yang akan menjerusmuskan ke dalam lembah kezaliman kelak. Sebagaimana yang dianjurkan dalam hadith yang diriwayatkan ‘Abdullah bin Mas’ud, Nabi SAW bersabda:

«يَا مَعْشِرَ الشَّبَابِ، مَنْ أَسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فَلِيَنْزُوْجْ، فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ
وَأَحْسَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ»

Maksudnya: “Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu telah mampu berkahwin, maka bernikahlah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj (kelamin). Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat menjadi perisai baginya (dalam membendung syahwat)”. (Al-Bukhārī 2001, 3; No Hadith 5066)

b) Suami membenci isterinya dan menyukai wanita lain

Terkadang perasaan cinta dan sayang di antara suami isteri semakin pudar setelah beberapa tahun mendirikan rumah tangga. Tetapi setianya seorang isteri sehingga mampu bertahan sedangkan sang suami terus beralih arah kepada wanita lain dan tidak menyukai isterinya lagi

257 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

atas sebab-sebab tertentu. Rasa yang semakin memudar itu boleh terjadi disebabkan penampilan luaran atau dalaman isterinya sehingga berlaku pertikaian di antara mereka. Sebagai contoh si isteri tidak lagi berhias dihadapan suaminya, pertuturnya tidak lagi dijaga, buruk sikapnya dalam melayani, tidak menjaga hak-hak suami dan sebagainya. Akhirnya menyebabkan si suami mula mencari wanita lain untuk mendampingnya dan ingin berpoligami. (Al-'Atār t.t., 18) Seharusnya di antara suami dan isteri bergaul dengan baik seperti yang diperintahkan Allah SWT:

﴿وَاعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ إِنْ كَرِهُتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرُهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا﴾

Maksudnya: “Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (berasa) benci kepada mereka (disebabkan tingkah lakunya), janganlah kamu terburu-buru mencaraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah SWT hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)”.

Selain itu, jika kita perhatikan pada zaman ini percampuran antara lelaki dan wanita sudah tidak lagi dibatasi berbanding zaman dahulu. Jika dahulu wanita hanya duduk di rumah menjaga perihal suami dan anak-anak, namun di zaman kini ramai wanita yang bekerjaya. Di sinilah berlaku percampuran di antara keduanya sehingga menjadikan masa lebih banyak terluang di tempat kerja berbanding di rumah. Disebabkan sering berkomunikasi dan bekerjasama, perasaan sayang mula terbit dalam hati baik lelaki mahupun wanita walaupun di antara mereka sudah berumah tangga. (Al-'Atār t.t., 16)

Dua situasi ini sering terjadi apabila sudah melangkah ke alam rumah tangga, akan tetapi ramai tidak ambil peduli dan hanya memandang enteng tentang permasalahan ini. Seharusnya setiap suami dan isteri memainkan peranan penting jika tidak mahu poligami ini terjadi tanpa sebab yang munasabah. Oleh itu, jika dua alasan ini dijadikan asbab seseorang itu berpoligami, berkemungkinan akan

menyalimi isteri yang sedia ada, lebih-lebih lagi suami akan lebih cenderung kepada isteri barunya. Ini amat dicegah Islam; kerana tidak mengikuti panduan poligami yang dibenarkan oleh *syara'* dan akan ditimpakan azab yang pedih di akhirat kelak seperti hadith yang telah diterangkan.

c) Menceraikan isteri yang sedia ada

Berkahwin dengan wanita lain lalu menceraikan isteri pertama sama ada telah mendapat keizinan daripadanya atau tidak adalah isu yang sedang hangat diperkatakan masyarakat kini. Inilah realiti yang semakin menjadi-jadi bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Lebih parah lagi apabila ianya dilakukan oleh ahli agamawan yang dianggap sebagai ikon masyarakat sehingga dilabelkan sebagai “penunggang agama”. Terang lagi bersuluh bahawa lelaki yang melakukan hal yang sedemikian adalah atas dasar keinginan nafsu semata-mata dan bukannya atas dasar tanggungjawab. Hal ini kerana, suami tersebut telah membiarkan isteri dan anak-anak (jika ada) tanpa ada perasaan kemanusiaan. Disebabkan sikap individu-individu seperti inilah yang menjadikan poligami sukar diterima baik oleh masyarakat terutamanya kaum wanita; kerana ianya disalahgunakan meskipun pada hakikatnya poligami ini adalah suatu kelebihan yang Allah SWT kurniakan kepada kaum lelaki.

Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan menukilkan pendapatnya menurut pandangan ‘ulama’ Syafi’iah bahawa jika poligami tersebut boleh menyebabkan berlaku kezaliman dan penganiayaan terhadap isteri pertamanya sehingga si suami mengabaikan tanggungjawab terhadapnya seperti nafkah dan tidak berlaku adil, maka haram bagi si suami tersebut untuk bernikah lagi. Bahkan para ‘ulama’ mengatakan makruh hukumnya jika tiada hajat yang mendesak untuk berpoligami. (Al-Khan, Al-Bughā, Al-Syarbajī 1992, 40; Shahrulnizam, Isnin, 2 Disember 2019)

Membentuk Keluarga Bahagia Dengan Poligami

Telah dijelaskan di atas berkenaan poligami dalam Islam, namun terdapat beberapa alternatif atau jalan terbaik dalam mengamalkannya

259 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

agar membentuk keluarga bahagia. Harus ditegaskan bahawa poligami bukanlah satu penindasan ke atas wanita sehingga kita mencemuhnya, akan tetapi ia menyingkap seribu hikmah jika kita dapat memahami dan mempratikkan dengan sebaiknya; kerana ianya dapat membantu kaum wanita sesama sendiri. Oleh yang demikian, setiap pihak baik suami maupun isteri haruslah memainkan peranan penting dan mengambil cakna dalam hal ini demi mengelakkan daripada berlakunya keretakan masjid yang dibina.

a) Mendapat keizinan isteri

Seperti kita sedia maklum, Islam tidak mensyaratkan perlu adanya keizinan daripada isteri ketika hendak berpoligami. Meskipun begitu jika kita lihat dampaknya akan membawa padah terhadap keharmonian sesebuah rumah tangga. Maka apabila bertembung di antara *maslahah* dan *mafsadah*, maka ulama' menetapkan beberapa kaedah sebagai rujukan. Oleh itu, kita haruslah mengutamakan pencenggahan daripada berlakunya kerosakan atau kemudharatan daripada mendapatkan *kemaslahatan*, selari dengan kaedah درا المفاسد مقدم على (Al-Zarqā' 1989, 205)

(جلب المصالح). Oleh sebab itu, undang-undang di Malaysia menetapkan bahawa para suami yang ingin berpoligami hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Mahkamah Syariah dan sama ada telah memperoleh keizinan dan pandangan isteri atau tidak.

Memetik daripada keratan akhbar, Fakhru1 Azman Abu Hassan seorang peguam syariah yang telah ditemu bual, beliau mengatakan: "Masyarakat kini masih ramai yang tidak memahami dengan sebaiknya dan menyebabkan salah faham berkenaan poligami. Pernikahan poligami tidak memerlukan kebenaran isteri, tetapi apa sebenarnya yang diperlukan adalah kebenaran pihak Mahkamah Syariah. Apabila permohonan dibuat, maka isteri akan menjadi defendant dan secara tidak langsung akan mengetahui tentang permohonan suaminya semasa proses perbicaraan". (Berita Harian Online, Jumaat, 21 September 2018)

Oleh yang demikian, sebaiknya suami perlu mendapatkan keizinan isteri meskipun Islam tidak menuntutnya. Hal ini kerana perkahwinan yang disembunyikan bukanlah satu penyelesaian, malah ianya membuka pintu permasalahan dan kemudharatan yang lebih besar. Misalnya keretakan rumah tangga, impak negatif pada nasib dan emosi anak-anak serta berlakunya permusuhan di antara banyak pihak. Dengan ini, si suami haruslah matang dalam membuat keputusan dengan memberanikan diri untuk memberitahu isterinya, dan si isteri pula haruslah berlapang dada menerima keputusan suami jika sememangnya suami mampu dan berkelayakan untuk berpoligami.

Jika kita lihat cara pengamalan masyarakat zaman kini, majoriti suami berpoligami tanpa pengetahuan isterinya. Hal ini disebabkan mereka jahil tentang undang-undang yang telah ditetapkan. Perlulah diketahui bahawa umat Islam pada zaman Rasulullah SAW berbeza dengan hari ini dari segi kemantapan iman dan cara kehidupan. Undang-undang poligami yang digubal bukanlah untuk melanggar hukum *syara'* bahkan ianya sebahagian daripada alternatif bagi memastikan poligami yang diamalkan berjalan dengan baik dan tidak diperlakukan sewenang-wenangnya. Ini juga demi membentuk keluarga bahagia di samping dapat menjamin keharmonian masyarakat. Tidak kurang juga disebabkan suami takut jika isterinya mengamuk dan dicemuh oleh masyarakat. Malah pada waktu yang sama jauh di sudut hati si suami masih tidak meyakini bahawa dirinya mampu untuk berlaku adil dalam berpoligami, ditambah pula mempunyai permasalahan dari segi ekonomi. Jika ini adalah sebabnya, maka para suami dianggap dayus dan telah menjatuhkan martabat seorang lelaki; kerana suami adalah pemimpin dan ketua keluarga. Oleh itu, jika si suami bertekad ingin berpoligami haruslah yakin bahawa dirinya layak serta mengikuti panduan Islam dan undang-undang. Ini kerana bagi memastikan perkahwinan yang akan dibina itu bahagia dan harmoni untuk jangka waktu yang panjang. (Faisol 2000, 27-30)

Zainuddin Che Seman, Pensyarah Fakulti dan Undang-undang Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) berkata di dalam satu seminar yang bertajuk "Poligami Pilihan atau Takdir" bahawa hikmah

261 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

disebalik poligami sangatlah murni dan turut berpandangan bahawa suami perlu mendapatkan persetujuan isteri pertama. Ini kerana dengan cara itu sahaja yang dapat mencapai matlamat poligami yang dianjurkan Islam. Oleh itu, apabila kita memahami konsep poligami dengan sebaiknya, sekaligus dapat memupuk persefahaman dan mengurangkan konflik di dalam rumah tangga. (Berita Harian Online, Jumaat, 23 Februari 2018)

Dr. Zulkifli turut berkata walaupun keizinan isteri pertama tidak menjadi syarat, namun ianya sangat penting bagi para suami yang ingin berpoligami. Hal ini kerana untuk mengelakkan daripada terjadinya pergaduhan dan perbalahan di antara pasangan. Persetujuan dari isteri pertama dan mengikuti prosedur yang telah ditetapkan adalah salah satu cara untuk mewujudkan suasana harmoni dalam sesebuah rumah tangga. (Shahrulnizam, Isnin, 2 Disember 2019)

1) Mampu berpoligami

Seperti yang sedia maklum, para suami haruslah mendapat kebenaran bertulis daripada Mahkamah Syariah sebelum berpoligami. Justeru itu, pihak mahkamah akan memperhatikan terlebih dahulu alasan dan keadaan si suami sebelum meluluskan permohonannya sebagaimana yang tercatat dalam Seksyen 23 Undang-Undang Perkahwinan Islam 2004.

Dr Siti Mariah Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor menambah lagi bahawa kehadiran isteri dapat memberikan kenyataan keadaan suaminya itu dari segi nafkah zahir dan batin bagi menentukan kelayakannya untuk poligami atau sebaliknya. Maka isteri janganlah mengikut emosi sehingga memberontak dan tidak mahu hadir ke mahkamah". (Berita Harian Online, Ahad, 18 November 2018) Maka dengan kehadiran isteri, dapatlah pihak mahkamah menentukan bahawa si suami layak ataupun tidak untuk berpoligami; kerana isteri sahaja yang mengetahui bagaimana keadaan suaminya itu.

Kelayakan seseorang untuk poligami bukanlah diukur dengan material semata-mata, akan tetapi yang paling penting adalah dari dirinya sendiri yang mengetahui adakah ia berupaya untuk berlaku adil di antara isteri-isterinya atau hanya untuk memenuhi kehendak nafsu? Dengan ini, pihak mahkamah akan memanggil suami, isteri yang sedia ada dan bakal isteri bagi mendengar keterangan dari setiap pihak. Mereka akan menyatakan perihal nafkah, butir-butir bilangan tanggungungan, kondisi fizikal, alasan berpoligami dan sebagainya bagi menentukan adakah si suami layak berpoligami. Oleh itu, si isteri jangan cepat melatah dan menyalahkan suami dalam hal ini, adalah lebih indah jika dapat memberikan kerjasama agar tidak berlaku salah faham dan mengakibatkan keruntuhan rumah tangga. Setiap masalah pasti ada penyelesaiannya, maka komunikasi adalah jalan terbaik bagi mengelak dari berlaku perkara yang tidak diingini dan jangan sesekali melibatkan emosi dan perasaan.

2) Peranan individu

Setiap pasangan pasti mahu melakukan yang terbaik dalam melayari bahtera rumah tangga, tiada siapa yang mahu berakhir dengan penceraian lebih-lebih lagi apabila suami mahu berkahwin lain. Oleh itu, setiap pasangan memainkan peranan penting dalam mengamalkan poligami ini bagi membentuk keluarga bahagia. Para suami sebagai pemimpin keluarga seharusnya mendidik para isteri dengan sebaiknya dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan dalam setiap perkara termasuklah dalam perihal poligami ini. Oleh itu, pegangan agama yang kuat diiringi pemahaman yang benar berkenaan poligami ini harus ada dalam diri setiap insan. Maka apabila seorang lelaki mahu mengamalkan poligami, haruslah menyakini bahawa dirinya berkemampuan dari segi nafkah zahir dan boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya seperti yang dibincangkan. Begitu juga para isteri haruslah berlapang dada meredhainya serta bersabar dalam setiap perkara dan menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri dengan sebaiknya daripada terus menerus berada dalam kedukaan dan menyalahkan takdir bahawa suaminya berkahwin lain. Setiap pasangan perlu berfikiran

263 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

positif, bertolak ansur dan saling memahami antara sesama mereka tanpa mengikut emosi dan perasaan. Tidak dinafikan bahawa masyarakat juga berperanan penting iaitu dengan menerima dengan baik dengan menganggap poligami ini satu amalan yang mulia dan bukannya bagai pancaran kilat yang memanah sehingga mencemuh dan mencetuskan bermacam-macam emosi apabila seseorang itu mahu berpoligami. Dengan ini, apabila setiap pihak menjalankan tanggungjawab dan melunaskan hak yang sepatutnya, maka dengan izin Allah SWT akan lahirlah sebuah institusi keluarga bahagia disamping masyarakat yang harmoni.

Penutup

Poligami adalah satu *ruhksah* dan kelebihan yang Allah SWT kurniakan kepada kaum lelaki. Setelah memahami konsep poligami mengikut panduan Islam dan diselangi dengan ayat al-Quran dan as-Sunnah, maka dapat kita simpulkan di sini bahawa pemahaman yang benar amatlah dituntut dalam setiap jiwa insan. Tanpa pemahaman ini akan menjadikan poligami sebagai satu isu yang besar seakan-akan salah bagi sesiapa yang mahu mengamalkannya.

Setiap pihak memainkan peranan penting dalam menjayakan poligami ini, yakni apabila seorang isteri benar-benar memahami konteks sebenar poligami, dan suami juga mengamalkannya sebaik mungkin dengan mengikut panduan yang dianjurkan Islam, maka tidak akan wujud istilah perampas atau perosak rumah tangga, malah dapat membentuk sebuah keluarga bahagia. Bukan itu sahaja, peranan masyarakat juga amat memberi impak yang besar bagi menjayakan poligami ini. Hal ini kerana, tanggapan poligami adalah satu yang menyaksikan sudah melekat dalam akal fikiran masyarakat kini sehingga ramai yang menolaknya dan tidak menyetujuinya. Bahkan ramai yang mencemuh sehingga tersebarlah cerita-cerita negatif tentang poligami tanpa ada yang mendalami keindahan disebaliknya jika diamalkan dengan betul. Tidak dapat dinafikan bahawa ramai juga isteri yang menjadi mangsa dalam poligami, akan tetapi ini berpunca daripada suami

yang tidak bertanggungjawab dan bukannya salah poligami itu sendiri. Oleh yang demikian, ditegaskan bahawa pemahaman dan penjiwaan yang sebenar amat diperlukan dalam setiap individu dan jangan sesekali melibatkan emosi dan perasaan kerana ianya sukar diramal. Fikiran yang positif serta iman yang teguh juga amat penting dalam perkara ini bagi menjamin pembentukan sebuah institusi keluarga dan masyarakat yang bahagia.

Pengakuan

Artikel ini dihasilkan di bawah gran penyelidikan tajaan Yayasan Bukhary, ID: SP 18-117-0379, The Local Fiqh Framework in Malaysia: Identifying its Characteristics in Islamic Family Law. Para penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak penaja atas penganugerahan gran tersebut.

BIBLIOGRAFI

Abdurrahman Husein. *Hitam Putih Poligami*. Jakarta: Lembaga Penerbit Fakultas Ekonomi, 2007

Abū Daud, Abū Daud Sulaymān Ibn al-Ash'ath. *Sunan Abī Dāud*. Beirūt: Al-Maktabah al-'Asriyah, t.t.: No Hadith. 2050, 2133, 2241

Al-'Atār, 'Abdul Nāsir Tawfīq al-'Atār. *Ta'addud az-Zawjāt fī asy-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, t.t.

Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allah Muhammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah. *Sahīh al-Bukhārī*. Dār Tūq An-Najāh, 2001: No Hadith. 2593, 5066

Al-Kāsānī, 'Alā' al-Dīn Abū Bakar ibn Mas'ūd al-Kāsānī. *Badā'i' al-Sanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986

Al-Khan, Al-Bughā, Al-Syarbajī. *Fiqh Manhajī 'ala Mazhab al-Imām Al-Syāfi'ī*. Damshiq: Dār al-Qalam li Tibā'ah wa Nasyr wa Tauzī', 1992

265 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

Al-Kharshī, Muhammad ibn ‘Abd Allah Al-Kharshī. *Syarah Mukhtasar Khalīl*. Beirūt: Dār al-Fikr li Toba’ah, t.t.

Al-Marāghī, Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī. *Tafsīr al-Marāghī*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998

Al-Māwardī, Abū al-Hasan ‘Alī Ibn Muhammad Ibn Habīb al-Māwardī. *Al-Hāwī al-Kabīr*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999

Al-Nasā’ī, Abū ‘Abd ar-Rahman Ahmad Ibn Shu’ayb Ibn Alī. *Sunan al-Nasā’ī*. Maktab al-Matbū’at al-Islāmiyyah, 1986: No Hadith. 3227, 5711

Al-Syīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf Al-Syīrāzī. *Al-Muhaddzab Fi Fiqh al-Imām as-Syāfi’ī*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.

Al-Tirmidhī, Abū Isa Muhammad Ibn as-Sulamī. *Sunan Al-Tirmidhī*. Mesir: Syarikah Maktabah wa al-Matba’ah Mustafā, 1975: No Hadith. 1140, 2518

Al-Zarqā’, Muṣṭafā bin Ahmad bin Muhammad bin Uthmān bin Muhammad ‘Abdul Qādir Al-Zarqa. *Syarah Al-Qawā’id Al-Fiqhiyyah*. Damshiq: Dār al-Qalam, 1989

Al-Zuhaylī, Muhammad Al-Zuhaylī. *Al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Syāfi’ī*. Damshiq: Dār al-Qalam, 2011

Al-Zuhaylī, Wahbah Muṣṭafā Al-Zuhaylī. *Al-Fiqh Al-Islamī Wa Adillatuhu*. Damshiq: Dār al-Fikr, 1984

Al-Zuhaylī, Wahbah Muṣṭafā al-Zuhaylī. *Tafsīr Al-Munīr*. Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu’āsir, 1997

An-Nawawī, Abū Zakariā Mahyu ad-Dīn Yahya Ibn Sharaf an-Nawawī. *Al-Majmū’ Syarah al-Muhaddzab*. Dār al-Fikr, t.t.

Asy-Syarbīnī, Muhammad ibn Ahmad Al-Khatīb Asy-Syarbīnī. *Mughnī al-Muhtāj Ila Ma'Rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994

Azizah Kasim. Wanita dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1985

Faisol, Syeikh Ahmad Faisol Hj. Omar. *Hitam Putih Poligami*. Selangor: Pustaka Ilmi, 2000

Hasan, Hasan al-Sayyid Hāmid Khitāb. *Maqāsid al-Nikāh wa Atharuhā*. Madīnah: Jāmi'ah Toyyibah, 2009

Hidayah Mohammad. Berita Harian Online. Ahad, 18 November 2018, <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2018/11/499351/mahkama-h-tentukan-hak-kelayakan-suami-berpoligami>

Ibn 'Ābidīn, Muhammad Amīn Ibn 'Umar Ibn 'Abd Azīz 'Ābidīn. *Radd al-Muhtār 'al al-Dur al-Mukhtār*. Beirūt: Dār al-Fikr, 1992

Ibn Hibbān, Muhammad ibn Hibbān ibn Ahmad al-Tamīmī al-Bustī. *Sahīh Ibn Hibbān*, Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1993: No Hadith. 4157

Ibn Kathīr, Ismā'īl ibn 'Umar Ibn Kathīr. *Tafsīr Al-Qurān Al-'Azīm*. Ar-Riyādh: Dār As-Salām, 2004

Ibn Mājah, Abū 'Abdillah Muhammad ibn Yazīd Ibn Mājah al-Rab'ī al-Qazwīnī. *Sunan Ibn Mājah*. Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabīyyah, t.t.: No Hadith. 2341

Ibn Qudāmah, Ibn Qudāmah al-Maqdīsī Muwaffaq al-Dīn Abū Muhammad 'Abd Allāh. *Al-Mughnī*. Qāherah: Maktabah al-Qāherah, t.t.

Ibn Ruslān, Syihābuddīn Ahmad bin Husain bin Hasan bin Alī bin Arsilān al-Ramlī. *Syarah Sunan Abī Dāud*, Faiyūm: Dār al-Falāh, 2016

Kamus Bahasa Melayu Nusantara, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003

267 Antara Kewajipan Dan Keinginan Nafsu Berpoligami Dalam Membentuk Keluarga Bahagia

Latifah Arifin. Berita Harian Online. Jumaat, 21 September 2018,
<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/09/476315/suami-perlu-buktikan-kemampuan-sebelum-poligami>

Latifah Arifin. Berita Harian Online. Jumaat, 23 Februari 2018,
<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/02/391970/persetujuan-isteri-dapat-capai-hikmah-berpoligami>

Muslim, Abū al-Husayn ‘Asākir ad-Dīn Muslim ibn al-Hajjāj. *Sahīh Muslim*, Beirūt: Dār Ihya’ at-Thurāth al-‘Arabī, t.t.: No Hadith. 1460, 1463

Shahrulnizam Muhadi. Al-Kafi li al-Fatawi, Isnin 2 Disember 2019,
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3845-al-kafi-1452-ceraikan-isteri-kedua-kerana-tiada-persetujuan-isteri-pertama>

Syāfi’ī, Abū ‘Abdillah Muhammad Ibn Idrīs Al-Syāfi’ī. *Tafsīr Imām Syāfi’ī*. Ar-Riyādh: Dār At-Tadmurayyah, 2006

Taqiyuddīn, Abū Bakar Muhammad Al-Husnī Al-Husainī. *Kifāyah al-Akhyār*. Damshiq: Dār al-Khair, 1994

Zaini Nasohah. *Poligami Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2006